

18 MAR 1996

Mahathir-Pendatang

PIHAK BERKUASA DIARAH BERTINDAK ATASI PENEMPATAN HARAM INDONESIA

KULIM, 18 Mac (Bernama) -- Pihak berkuasa tempatan akan diarah mengambil tindakan tegas bagi mengatasi masalah penempatan haram pendatang Indonesia yang dilaporkan tumbuh bagai cendawan di negara ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata tindakan tegas perlu diambil bagi mengelakkan perkara itu daripada berleluasa.

Yang menjadi masalah (di negara ini) ialah semua pihak menuding jari kepada pihak lain mengenai tanggungjawab mereka sehingga menjadikan masalah itu bertambah rumit, katanya pada persidangan akhbar selepas merasmikan Taman Berteknologi Tinggi di sini.

Beliau diminta mengulas laporan sebuah akhbar mengenai penempatan haram di lima kawasan di Hulu Langat.

Mengikut laporan itu, rakyat Indonesia telah membangunkan penempatan haram yang dipanggil Kampung Malindo di Balakong sejak tujuh tahun lepas. Penempatan itu mempunyai pusat rekreasi, klinik dan taman kanak-kanak.

Dr Mahathir juga berkata, beliau tidak tahu-menahu mengenai laporan agensi berita asing yang memetik sumber pegawai tinggi kerajaan kononnya beliau telah menanggungkan buat sementara rancangan untuk membenarkan dua syarikat asing daripada membina kilang membuat "wafer" di taman itu.

"Saya tidak ada maklumat berhubung perkara itu dan saya hairan dari sumber mana mereka mendapat laporan itu. Mereka mendakwa bahawa sumber berita adalah pegawai tinggi kerajaan sedangkan mereka tidak bercakap pun dengan mana-mana pegawai tinggi," katanya.

Mengenai dakwaan kononnya Malaysia "menggula-gulakan" tawarannya untuk menarik pelabur asing dalam pelaburan berteknologi tinggi ke negara ini, Dr Mahathir berkata sekiranya tawaran itu "manis", sudah tentu ramai pelabur akan datang ke negara ini.

Dr Mahathir juga berkata kerajaan akan menetapkan secepat mungkin rancangan pembinaan satu lagi lapangan terbang bagi menampung keperluan pengguna di wilayah utara Semenanjung.

Bagaimanapun katanya, kerajaan belum membuat keputusan muktamad mengenai tempat sebenar lapangan terbang itu akan dibina. -- BERNAMA

RA NH NMO